

### Tiga acara hebat di Kuala Terengganu hujung minggu

KUALA TERENGGANU 22 Ogos - Bandar raya ini dijangka sesak dengan kebanjiran orang ramai bagi menyaksikan tiga acara utama membawa suasana kemeriahan sambutan Tahun Melawat Terengganu 2017 bakal berlangsung serentak hujung minggu ini.

Pengarah Pelancongan negeri, Tun Ahmad Faisal Tun Abd. Razak berkata, ini melibatkan penganjuran Kejohanan Antarabangsa Powerboat F3000 Terengganu, Festival Gamelan Sedunia dan Pesta Peranakan Terengganu yang masing-masing menawarkan pelbagai




Search Community



New Guinea, Scott McCook.

"Kita menjangkakan kesesakan di bandar raya ini sepanjang hujung minggu terutama di laluan di Pulau Warisan di samping jalan Kampung Cina yang ditutup untuk Pesta Peranakan, dan dinasihatkan menggunakan laluan alternatif," katanya dalam sidang akhbar di pejabatnya di sini hari ini.

Yang hadir sama, Pengarah Muzium Terengganu, Mohd Yusoff Abdullah dan Pengarah Kejohanan Antarabangsa Powerboat F3000 Terengganu 2017, Mohd. Glenn Abdullah.



Acara sukan air berprestij itu turut disertai dua pasukan anak negeri iaitu, Yusof Bakar dari D'Dalima Racing dan Osman Mohar (Kandis Racing)



Menurut Ahmad Faisal, Festival Gamelan Sedunia buat kali kelima pula akan berlangsung selama tiga hari bermula Jumaat dari pukul 5 petang hingga 12 tengah malam di Dataran Shahbandar.

Katanya, selain persembahan termasuk tradisional dan kotemporari yang cukup menarik, bakal turut diadakan bengkel gamelan bagi berkongsi kemahiran dan pengalaman yang akan disertai sebanyak 300 peserta dalam dan luar negara.

"Sebanyak 13 pasukan terlibat dengan tiga kumpulan dari Indonesia iaitu Gastarana Bukit Tinggi Sumatera, Gondrong Gunarto & Friends dan Sanggar Singamurti-Gianyar Bali di samping Lambang Sari Wasabi, Jepun serta pasukan negara, Sahabat Gamelan Terengganu (SaGa Warisan) dan Alkis Gemawan.

"Turut serta Orkestra Tradisional Malaysia Istana Budaya; Bayu Universiti Malaysia Sarawak (Unimas); Gamelan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI); Universiti Malaysia Terengganu (UMT); Suktra Terengganu, Maktab Rendah Sains Mara Lenggong dan Gamelan Akademi Seni Warisan (Aswara)," katanya.-UTUSAN ONLINE

Artikel Penuh: <http://www.utusan.com.my/berita/wil...gganu/tiga-acara-hebat-di-kuala-terengganu-hujung-minggu-1.517854#ixzz4qX1sG9jR>

© Utusan Melayu (M) Bhd

Reply Quote Like



kumat · Registered  
Joined Jul 16, 2010 · 1,647 Posts

EPIC Mushtari, Stork jalin kerjasama kepakaran

